

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SEW214 – Makroekonomi II

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan
- Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A dan mana-mana **DUA (2)** soalan lagi dari Bahagian B.
- Bahagian A menyumbang 60 markah dan Bahagian B pula menyumbang 40 markah.
- Mesin hitung elektronik tanpa pemrograman yang dibawa sendiri oleh calon boleh digunakan (jika diperlukan).

BAHAGIAN A (60 markah)

Soalan 1

- I. Senaraikan (tidak perlu dibincangkan) persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan utama di antara pasangan-pasangan model yang diberikan di bawah:
- (a) model klasik dan model Keynes
 - (b) model Keynes dan model pendokong fahaman kewangan (moneteris)
 - (c) model moneteris dan model klasik baru.
- (18 markah)
- II. Jika permintaan pelaburan bagi sesuatu ekonomi dijangkakan merosot pada tahun hadapan, katakan sebanyak 10% dari paras pada tahun ini, akibat dari satu kejutan eksogenus. Andaikan semua komponen permintaan agregat yang lain tidak berubah dan berada pada paras yang konsisten dengan keadaan gunatenaga yang tinggi dan harga-harga yang agak stabil. Bagi setiap satu model di bawah, terangkan kesan penurunan eksogenus permintaan agregat ini, dan jelaskan respons-respons dasar yang bersesuaian (iaitu, dasar-dasar yang diperlukan) yang disarankan oleh model-model tersebut.
- (a) Model klasik
 - (b) Model Keynes
 - (c) Model moneteris
 - (d) Model klasik baru.
- (20 markah)
- III. Persoalan mengenai jenis maklumat yang diperolehi oleh peserta-peserta pasaran pada sesuatu masa dan mengenai betapa cepatnya mereka (peserta pasaran) mempelajari sesuatu adalah ciri-ciri penting yang membezakan di antara sistem-sistem ekonomi yang dipelajari. Terangkan perbezaan andaian mengenai maklumat yang dipunyai oleh peserta-peserta pasaran di antara model klasik, model Keynes, model moneteris dan model klasik baru, dan terangkan juga bagaimanakah perbezaan andaian mengenai maklumat ini dapat menjelaskan kesimpulan-kesimpulan dasar yang berbeza di antara model-model berkenaan.
- (10 markah)
- IV. Bandingkan kesan kejatuhan autonomi harga minyak petrol yang diimport ke atas sesebuah ekonomi di antara model klasik, model Keynes, model moneteris dan model klasik baru, dengan membincangkan perubahan-perubahan yang berlaku dan kesannya ke atas output, gunatenaga dan tingkat harga agregat bagi setiap kes.
- (12 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja dari bahagian ini.

Soalan 2

- I. Pilih **SAMA ADA** hipotesis kitaran hidup **ATAU** hipotesis pendapatan tetap untuk menjelaskan percanggahan yang wujud di antara data keratan lintang dan data siri masa jangka pendek yang menunjukkan hubungan tak berkadar di antara penggunaan dan pendapatan, dan data siri masa jangka panjang yang menunjukkan hubungan berkadar di antara penggunaan dan pendapatan.

- II. Dengan merujuk kepada model mudah hipotesis kitaran hidup, jelaskan sama ada individu-individu berikut akan meningkatkan atau mengurangkan penggunaan puratanya:
 - (a) jika beliau bersara lebih awal
 - (b) berbanding dengan penggunaan purata jirannya jika beliau mempunyai rekod kesihatan yang lebih baik dan dijangka akan hidup lebih lama dari jirannya.

- III. Nyatakan sama ada dasar kewangan dan dasar fiskal menjadi semakin berkesan atau sebaliknya di bawah spesifikasi yang lebih terperinci fungsi penggunaan seperti yang dibuat dalam kursus ini.

(20 markah)

Soalan 3

- I. Nyatakan dan bincangkan implikasi teori pencepat ke atas:
 - (a) saiz pengganda
 - (b) cerun keluk IS
 - (c) keberkesanan dasar kewangan dan dasar fiskal.

- II. Nyatakan dan jelaskan sama ada dasar kewangan dan dasar fiskal menjadi semakin berkesan atau sebaliknya di bawah spesifikasi yang lebih terperinci pelaburan tetap perniagaan dan komponen-komponen pelaburan yang lain seperti yang dibuat dalam kursus ini.

- III. Bincangkan bagaimanakah dasar kewangan pengembangan mempengaruhi aktiviti pembinaan perumahan kediaman dengan merujuk kepada kesan perubahan-perubahan berkenaan ke atas:
- (a) stok perumahan
 - (b) permintaan perumahan
 - (c) penawaran perumahan baru
 - (d) pelaburan perumahan
 - (e) harga rumah kediaman.

(20 markah)

Soalan 4

- I. Apakah yang dimaksudkan dengan kadar pengangguran semula jadi? Terangkan bagaimanakah perubahan-perubahan berikut boleh mempengaruhi kadar pengangguran semula jadi:
- (a) Peningkatan penglibatan wanita di dalam tenaga kerja
 - (b) Penurunan umur minimum untuk bekerja
 - (c) Peningkatan bayaran faedah pengangguran
 - (d) Penghapusan undang-undang upah minimum
- II. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan dasar pendapatan dan terangkan bagaimanakah ia dapat mengatasi kadar inflasi yang tinggi yang dialami oleh sesebuah ekonomi. Apakah masalah-masalah yang timbul dari penggunaan dasar ini dalam usaha memerangi inflasi?
- III. Ada pihak yang berpendapat bahawa kadar inflasi dapat dikurangkan dalam jangka panjang tanpa melibatkan sebarang kos, dan dengan itu, ia (kadar inflasi) harus dikurangkan hingga menjadi sifar. Walau bagaimanapun, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa sebarang kadar inflasi yang agak rendah dan stabil, katakan kadar inflasi sebanyak 4 peratus, tidaklah menjadi masalah kepada ekonomi, dan dengan itu, boleh dijadikan matlamat dasar. Nilai kedua hujah ini sepenuhnya.

(20 markah)

Soalan 5

I. Terangkan kenapa bagi:

- (a) model pertumbuhan neoklasik yang mengandaikan perubahan teknologi eksogenus, kadar pertumbuhan output keseimbangan jangka panjang tidak bergantung kepada (tidak dipengaruhi oleh) kadar tabungan (iaitu, $s = S/Y$).
- (b) model yang mengandaikan perubahan teknologi yang endogenus, peningkatan kadar menabung (s) akan menyebabkan peningkatan kadar pertumbuhan output jangka panjang.

II. Sebuah ekonomi mempunyai fungsi pengeluaran per kapita yang diberikan oleh:

$$y = k - 0.2k^2,$$

di mana y ialah output per kapita dan k modal per kapita. Jika kecenderungan mengguna sut (MPC) ialah 0.9 dan kadar pertumbuhan penduduk 4 peratus setahun, dapatkan nilai-nilai k , y dan kadar pertumbuhan ekonomi pada keadaan mantap.

III. Dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai bagi menggambarkan kes soalan II, nyatakan (tak perlu dijelaskan) apakah yang akan terjadi kepada nilai-nilai y , k dan kadar pertumbuhan ekonomi (iaitu, sama ada meningkat, merosot atau tidak berubah) jika:

- (a) nilai MPC merosot
- (b) kadar pertumbuhan penduduk meningkat.

(20 markah)

- oo o0o oo -